

SULIT



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

JFW464 – Analisis Penyata Kewangan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT (4)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Pastikan anda menulis angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Alat pengiraan elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk tujuan pengiraan

Markah bagi setiap soalan adalah seperti yang tercatat.

...2/-

SULIT

SOALAN 1 (20 markah)

Analisis nisbah kewangan melibatkan pengiraan beberapa kategori nisbah bagi mengukur kecairan, kecekapan pengurusan aset, leveraj (tahap keberhutangan), keberuntungan dan nilai pasaran syarikat. Terangkan analisis nisbah berkaitan leveraj.

SOALAN 2 (20 markah)

Analisis penyata kewangan merupakan bahagian penting dan pelengkap kepada analisis perniagaan. Dua jenis analisis perniagaan yang utama ialah analisis kredit dan analisis ekuiti. Bandingkan dan bezakan kedua-dua jenis analisis perniagaan ini.

SOALAN 3 (20 markah)

Berikut adalah maklumat yang diambil daripada rekod kewangan Syarikat ABC Berhad dan syarikat subsidiarinya bagi tahun 20XX.

	RM
Pendapatan bersih	12,000
Susut nilai, susutan, dan pelunasan	6,000
Pelupusan harta, loji, dan kelengkapan (nilai buku) untuk tunai	1,000
Cukai tertunda bagi tahun 20XX (bukan semasa)	500
Perolehan syarikat subsidiari yang belum agih	300
Pelunasan diskaun ke atas bon belum bayar	100
Pelunasan premium ke atas bon belum bayar	150
Pengurangan dalam amaun aset bukan semasa	1,500
Prosid tunai daripada opsyen saham kakitangan	300
Peningkatan dalam amaun akaun belum terima	500
Peningkatan dalam amaun akaun belum bayar	1,000
Pengurangan dalam amaun inventori	800
Peningkatan dalam amaun dividen belum bayar	300
Pengurangan dalam amaun nota belum bayar kepada bank	400

...3/-

Anda dikehendaki:

- (a). Tentukan jumlah aliran tunai dari operasi (CFO) bagi tahun 20XX dengan menggunakan format tidak langsung. (13 markah)
- (b). Bagi item yang berikut, jelaskan maksud dan implikasi (jika ada) dalam membuat pelarasan pendapatan bersih bagi mengira CFO.
- (i). Terbitan saham perbendaharaan sebagai pampasan kepada kakitangan. (2 markah)
- (ii). Pemodalan ke atas faedah yang ditanggung. (2 markah)
- (iii). Amaun yang dicaj kepada perbelanjaan pencen berbeza dengan amaun yang dibiayai. (3 markah)

SOALAN 4 (40 markah)

Usaha Maju Enterprise ialah sebuah syarikat peruncitan yang menjual satu jenis produk sahaja. Inventori permulaan pada 1 Januari 2017 ialah sifar, perbelanjaan kendalian ialah RM5,000 dan syarikat mempunyai 2,000 saham biasa. Jadual berikut menunjukkan jumlah belian yang dibuat sepanjang tahun 2017:

	Unit	RM/Unit	Kos (RM)
Januari	200	9	1,800
Mac	350	10	3,500
Jun	500	11	5,500
Oktober	400	12	4,800
Disember	600	13	7,800
JUMLAH	2,050		23,400

Baki akhir inventori pada 31 Disember 2017 ialah 900 unit. Aset pada akhir tahun tidak termasuk inventori berjumlah RM70,000 dan RM40,000 daripadanya ialah aset semasa. Liabiliti semasa berjumlah RM30,000 dan liabiliti jangka panjang berjumlah RM10,000.

...4/-

Andaikan harga jualan ialah RM25 seunit dan tiada cukai dikenakan.

Anda dikehendaki:

- (a). Kira pendapatan bersih Usaha Maju Enterprise bagi tahun 2017 mengikut setiap kaedah penilaian inventori berikut.
- (i). FIFO (5 markah)
 - (ii). LIFO (5 markah)
 - (iii). Kos purata (5 markah)
- (b). Kira nisbah berikut mengikut setiap kaedah penilaian inventori FIFO, LIFO dan Kos purata.
- (i). Nisbah semasa (*current ratio*) (3 markah)
 - (ii). Pusing ganti inventori (*inventory turnover*) (3 markah)
 - (iii). Pulangan atas jumlah aset (*return on assets, ROA*) (3 markah)
 - (iv). Margin kasar sebagai peratusan daripada jualan (*gross margin as percentage of sales*) (3 markah)
 - (v). Untung bersih sebagai peratusan daripada jualan (*net profit as percentage of sales*) (3 markah)
- (c). Bincangkan kesan kaedah penilaian inventori yang berbeza terhadap analisis penyata kewangan berpandukan kepada keputusan jawapan di bahagian (a) dan (b). (10 markah)